

**BN Pertaruh Dr Mazlan Untuk Tentang Anwar Di Permatang Pauh
Bernama
16 April, 2013**

GEORGE TOWN, 16 April (Bernama) -- Bekas pengarah pilihan raya umum (PRU) PAS Pulau Pinang, Dr Mazlan Ismail diamanahkan menerajui cabaran Barisan Nasional (BN) di kawasan Parlimen Permatang Pauh menentang ketua pembangkang Datuk Seri Anwar Ibrahim pada PRU ke-13.

Turut mencuri tumpuan ialah Ketua Penerangan Pemuda Umno Datuk Seri Reezal Merican Naina Merican yang akan bertanding bagi kerusi Parlimen Kepala Batas, menggantikan bekas Perdana Menteri Tun Abdullah Ahmad Badawi yang mengundur diri.

Mengulas mengenai latar belakangnya, Mazlan berkata: "Saya bekas naib ketua Dewan Pemuda PAS Pulau Pinang, dan pernah menjadi pengarah PRU PAS negeri pada PRU 1999 dan 2004.

"Saya yakin pengalaman itu dapat menjadi bekalan dalam menempuh perjuangan politik di Permatang Pauh," kata anak tempatan Permatang Pauh berusia 53 tahun itu.

Bukan setakat itu sahaja, pengalaman Mazlan di bidang korporat dengan menyandang jawatan naib presiden Telekom Malaysia sebelum ini, turut dilihat memberi kelebihan kepadanya.

Sambil berikrar untuk mendedahkan kepincangan dalam pakatan pembangkang yang diterajui Anwar, Mazlan berkata: "Insya-Allah, saya yakin menang, dan telah bersedia berkhidmat untuk masyarakat sebagai ahli politik sepenuh masa."

Beliau merupakan antara calon yang diketengahkan BN untuk bertanding di 53 kerusi merangkumi 13 kerusi parlimen dan 40 kerusi DUN di Pulau Pinang pada PRU13 5 Mei ini.

Mazlan memiliki Ijazah Komunikasi Elektronik daripada University of Salford, United Kingdom dan PhD dalam 'Intellectual Capital Management' daripada Universiti Teknologi Malaysia (UTM).

Penampilan sulung bertanding pada pilihan raya tidak mengusarkan Mazlan kerana "sokongan peringkat akar umbi BN memberi motivasi kepada saya untuk tidak rasa takut dengan populariti Anwar".

Dalam pada itu, Pengerusi BN negeri Teng Chang Yeow memberitahu pemberita selepas majlis pengumuman calon BN di sini hari ini, calon muka baharu termuda negeri ialah peguam Loo Jieh Sheng, 31, daripada Gerakan yang bertanding kerusi DUN Air Itam.

Teng, yang sebelum ini bertanding di kawasan DUN Padang Kota selama dua penggal, kini bertukar kawasan ke DUN Bukit Tengah.

Beliau berkata tindakan berpindah ke kawasan baharu di Seberang Perai itu bukan disebabkan beliau takut untuk bertanding di sebelah pulau seperti yang didakwa Setiausaha Agung DAP Lim Guan Eng.

"Tidak timbul isu takut bertanding di kawasan pulau, tetapi ia strategi yang diatur kepimpinan parti," jelasnya.

Antara yang digugurkan BN di Pulau Pinang ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri Tan Sri Nor Mohamed Yakcop, yang sebelum ini menjadi anggota Parlimen Tasek Gelugor.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=942558>